**ENGLISH**

# FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQ)
# DISCONTINUATION OF ACCESS CODE 080 FOR CALLS TO BRUNEI FROM MALAYSIA

| No. | Question | Answer |
|---|---|---|
| 1. | **What is the purpose of this initiative and why is it required?** | Brunei's sole network infrastructure provider, Unified National Networks Sdn Bhd (UNN), has introduced a new routing policy for all incoming international calls to Brunei Darussalam. This is part of Brunei's wider effort to protect customers from fraudulent and scam voice calls.<br><br>Under this policy, UNN requires all incoming calls to be routed exclusively through Belgacom International Carrier Services ("BICS"). Because of this, calls from Malaysia to Brunei Darussalam, which previously used two (2) access codes, **080** and **+673,** will now need to be routed solely through the international access code **+673**.<br><br>If you currently dial Brunei using 080, you will need to switch to dialling +673 instead. No other changes are needed on your end. |
| 2. | **When will this change take effect?** | The switch from access code **080** to **+673** will take effect on **1 August 2026**. From this date, the **080** access code will no longer be available.<br><br>Please use the international access code **+673** when making calls from Malaysia to Brunei Darussalam. |
| 3. | **Who will be affected by this change?** | This change applies to all TM customers using TM fixed voice services to make calls from Malaysia to Brunei Darussalam. |
| 4. | **How will I be informed about the discontinuation of the 080 access code?** | We will let you know through the following channels:<br><br>• **Announcements** on the **official Unifi website** and **MyUnifi app**.<br>• An **IVR announcement** when you call Brunei Darussalam using the **080** access code.<br>• An **official notification letter**, if you are a TM corporate customer. |

| | | |
|---|---|---|
| 5. | **Will this change affect the quality of my phone calls?** | No, this change will not affect the quality of your calls from Malaysia to Brunei Darussalam. You will continue to enjoy the same quality as before. |
| 6. | **Will there be any changes to the call charges when I use the +673 access code?** | Yes, calls made using the **+673** access code will continue to be charged at **RM1.80 per minute** as **international calls**.<br><br>If you previously called Brunei using the **080** access code, which was charged at **national call rates**, please note that this will no longer be available from **1 August 2026**. From this date, all calls to Brunei Darussalam must be made using the **+673** access code and will be charged at **international call rates**. |
| 7. | **What will happen if I use the 080 access code after 1 August 2026?** | If you dial the **080** access code after **1 August 2026**, you will hear an **IVR announcement** informing you that the **080** access code has been discontinued and advising you to use the **+673** access code instead.<br><br>Please note that calls made using the **080** access code will no longer be connected. To complete your call, simply redial using the **+673** access code. |
| 8. | **Will I be charged while listening to the IVR announcement?** | No, you will not be charged while listening to the IVR announcement. |
| 9. | **How do I start using the +673 access code? Do I need to register or subscribe?** | To make calls using the **+673** access code, you will need to have the **International Direct Dial (IDD)** feature enabled on your service. There are no subscription or monthly fees for this feature.<br><br>The IDD feature is typically enabled by default when you register for a TM voice service, so you will not usually need to take any additional action.<br><br>However, if you have previously requested to disable the IDD feature or experience any issues making calls to Brunei Darussalam after **1 August 2026**, please contact us through our authorised support channels for assistance. |

## BAHASA MELAYU

# SOALAN-SOALAN LAZIM
# PENAMATAN KOD AKSES 080 BAGI PANGGILAN KE BRUNEI DARI MALAYSIA

| No. | Soalan | Jawapan |
|---|---|---|
| **1.** | **Apakah tujuan inisiatif ini dan mengapakah inisiatif ini diperlukan?** | Penyedia tunggal infrastruktur rangkaian di Brunei, Unified National Networks Sdn Bhd (UNN), telah memperkenalkan dasar penghalaan baharu bagi semua panggilan masuk antarabangsa ke negara Brunei Darussalam. Langkah ini merupakan sebahagian daripada usaha Brunei untuk melindungi pelanggan daripada panggilan penipuan dan 'scam'.<br><br>Di bawah dasar ini, UNN menetapkan supaya semua panggilan masuk dihala secara eksklusif melalui Belgacom International Carrier Services ("BICS"). Oleh itu, panggilan dari Malaysia ke Brunei Darussalam yang sebelum ini menggunakan dua (2) kod akses, iaitu **080** dan **+673**, kini hanya boleh dibuat menggunakan kod akses antarabangsa **+673**.<br><br>Jika anda sebelum ini menghubungi Brunei menggunakan kod akses 080, anda hanya perlu menggunakan +673 selepas ini. Tiada perubahan lain yang diperlukan di pihak anda. |
| **2.** | **Bilakah perubahan ini akan berkuat kuasa?** | Peralihan daripada kod akses **080** kepada **+673** akan berkuat kuasa pada **1 Ogos 2026**. Mulai tarikh tersebut, kod akses **080** tidak lagi boleh digunakan.<br><br>Sila gunakan kod akses antarabangsa **+673** apabila membuat panggilan dari Malaysia ke Brunei Darussalam. |
| **3.** | **Siapakah yang akan terlibat dalam perubahan ini?** | Perubahan ini melibatkan semua pelanggan TM yang menggunakan perkhidmatan suara talian tetap TM untuk membuat panggilan dari Malaysia ke Brunei Darussalam. |
| **4.** | **Bagaimanakah saya akan dimaklumkan tentang penamatan kod akses 080?** | Kami akan memaklumkan anda melalui saluran berikut:<br><br>• **Pengumuman** di **laman web rasmi Unifi** dan **aplikasi MyUnifi**.<br>• **Pengumuman IVR** apabila anda membuat panggilan ke Brunei Darussalam menggunakan kod akses **080**. |

| | | |
|---|---|---|
| | | • **Surat pemberitahuan rasmi** sekiranya anda merupakan pelanggan korporat TM. |
| 5. | **Adakah perubahan ini akan menjejaskan kualiti panggilan saya?** | Tidak. Perubahan ini tidak akan menjejaskan kualiti panggilan anda dari Malaysia ke Brunei Darussalam. Anda akan terus menikmati kualiti panggilan yang sama seperti sebelum ini. |
| 6. | **Adakah caj panggilan akan berubah apabila saya menggunakan kod akses +673?** | Ya. Panggilan yang dibuat menggunakan kod akses **+673** akan terus dikenakan caj **RM1.80 seminit** sebagai **panggilan antarabangsa**.<br><br>Jika anda sebelum ini menghubungi Brunei menggunakan kod akses **080** yang dikenakan caj pada **kadar panggilan nasional**, sila ambil maklum bahawa kod akses tersebut tidak lagi tersedia mulai **1 Ogos 2026**. Mulai tarikh tersebut, semua panggilan ke Brunei Darussalam hendaklah dibuat menggunakan kod akses **+673** dan akan dikenakan caj pada **kadar panggilan antarabangsa**. |
| 7. | **Apakah yang akan berlaku jika saya menggunakan kod akses 080 selepas 1 Ogos 2026?** | Jika anda mendail kod akses **080** selepas **1 Ogos 2026**, anda akan mendengar pengumuman IVR yang memaklumkan bahawa kod akses **080** telah ditamatkan dan menasihati anda supaya menggunakan kod akses **+673**.<br><br>Harap maklum bahawa panggilan yang dibuat menggunakan kod akses **080** tidak lagi akan disambungkan. Untuk meneruskan panggilan anda, sila dail semula menggunakan kod akses **+673**. |
| 8. | **Adakah saya akan dikenakan caj semasa mendengar pengumuman IVR?** | Tidak. Anda tidak akan dikenakan sebarang caj semasa mendengar pengumuman IVR. |
| 9. | **Bagaimanakah saya boleh mula menggunakan kod akses +673? Adakah saya perlu mendaftar atau melanggan?** | Untuk membuat panggilan menggunakan kod akses **+673**, anda perlu memastikan ciri **International Direct Dial (IDD)** diaktifkan pada perkhidmatan anda. Tiada yuran langganan atau caj bulanan dikenakan untuk ciri ini.<br><br>Kebiasaannya, perkhidmatan suara talian tetap TM telah diaktifkan dengan kemudahan IDD secara automatik semasa pendaftaran, jadi tiada tindakan tambahan diperlukan. |

| | | |
|---|---|---|
| | | Walau bagaimanapun, jika anda pernah meminta supaya ciri IDD dinyahaktifkan atau menghadapi sebarang kesukaran membuat panggilan ke negara Brunei Darussalam selepas **1 Ogos 2026**, sila hubungi kami melalui saluran sokongan rasmi kami untuk mendapatkan bantuan. |